

## **BLANK PAGE**

## IMBUHAN (20 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tekka ialah suatu tempat yang menjadi tumpuan orang berbangsa India di Singapura hingga ke hari ini. Tempat ini (1) \_\_\_\_\_ sebagai "Tekka" yang bermaksud "pokok buluh". Pada zaman dahulu, (2) \_\_\_\_\_ banyak kerbau yang telah dikandang di sini. Selain itu, Tekka juga menjadi pusat utama bagi para (3) \_\_\_\_\_ yang datang dari India.

Salah satu tempat yang menjadi (4) \_\_\_\_\_ ialah Pasar Tekka. Pasar ini (5) \_\_\_\_\_ pelbagai barang keperluan harian. Rempah ratus yang (6) \_\_\_\_\_ dalam masakan harian juga boleh dibeli pada harga yang tidak terlalu mahal dan berpatutan.

Kini, Pusat Tekka merupakan (7) \_\_\_\_\_ yang ikonik bagi rakyat India di Singapura. Tempat itu sentiasa sibuk (8) \_\_\_\_\_ pekerja asing pada hujung minggu. Mereka ke sana untuk (9) \_\_\_\_\_ wang kepada keluarga dan berjumpa teman-teman. (10) \_\_\_\_\_ pula, perjalanan ke sana tidak mengambil masa yang lama. Ini kerana adanya kemudahan stesen MRT.

- |    |                                   |                                   |
|----|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1  | (1) berkenalan<br>(3) mengenalkan | (2) dikenali<br>(4) terkenal      |
| 2  | (1) didapati<br>(3) pendapat      | (2) didapatkan<br>(4) terdapat    |
| 3  | (1) bermiaga<br>(3) peniaga       | (2) diniagakan<br>(4) perniagaan  |
| 4  | (1) bertumpu<br>(3) menumpukan    | (2) ditumpukan<br>(4) tumpuan     |
| 5  | (1) berjualan<br>(3) menjual      | (2) dijual<br>(4) penjual         |
| 6  | (1) berguna<br>(3) menggunakan    | (2) digunakan<br>(4) pengguna     |
| 7  | (1) bangunan<br>(3) membangunkan  | (2) dibangunkan<br>(4) terbangun  |
| 8  | (1) berkunjung<br>(3) pengunjung  | (2) dikunjungi<br>(4) mengunjungi |
| 9  | (1) berkirim<br>(3) pengiriman    | (2) dikirikan<br>(4) mengirimkan  |
| 10 | (1) Bertambah<br>(3) Menambah     | (2) Ditambah<br>(4) Tambahan      |

## PERIBAHASA (10 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Sarimah seorang murid kurang upaya dan terpaksa berkerusi roda untuk bergerak ke sana dan ke sini. Namun begitu, Sarimah merupakan (11) <u>anak emas</u> kepada Puan Siti dan Encik Salim. Pada mulanya, mereka teragak-agak untuk menghantar Sarimah ke sekolah biasa kerana bimbang Sarimah akan dipinggirkan tetapi sangkaan mereka salah.</p> <p>Sarimah begitu disenangi oleh rakan-rakan dan guru-guru di sekolah kerana Sarimah (12) <u>ringan mulut</u> dan bijak orangnya. Sarimah juga mempunyai seorang rakan bernama Izzati yang banyak membantunya dalam pergerakannya semasa di sekolah. Lama-kelamaan, persahabatan Sarimah dan Izzati (13) <u>amat rapat</u>.</p> <p>Ibu dan ayah Sarimah (14) <u>berasa senang</u>. Mereka mahu memberikan hadiah kepada Izzati sebagai tanda terima kasih tetapi Izzati menolak kerana dia (15) <u>ikhlas</u>. Ibu dan bapa Sarimah sangat bersyukur Sarimah mempunyai rakan seperti Izzati.</p>	<p><b>11</b> (1) orang yang amat disukai (2) orang yang amat dihormati (3) orang yang amat disayangi (4) orang yang amat disanjungi</p> <p><b>12</b> (1) baik (2) rajin (3) prihatin (4) peramah</p> <p><b>13</b> (1) bagi isi dengan kuku (2) bagi aur dengan tebing (3) bagi dakwat dengan kertas (4) bagi menghitung bulu kambing</p> <p><b>14</b> (1) ambil berat (2) lapang dada (3) panjang akal (4) diam-diam ubi</p> <p><b>15</b> (1) putih hati (2) keras hati (3) tajam hati (4) murah hati</p>
---	---

## GOLONGAN KATA (10 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Sepasukan pengakap bercadang hendak mendaki Gunung Ledang hingga ke puncak. Dalam perjalanan mereka ke puncak gunung itu, mereka terpaksa melalui hutan yang tebal. Mereka berjalan di jalan-jalan yang sempit dan (16)_____ sungai yang besar. Sungai itu cetek dan airnya (17)_____.</p> <p>Mereka dapat melihat hidupan di dalam sungai itu. Mereka juga bernasib baik kerana mereka tidak bertemu dengan binatang-binatang yang buas.</p> <p>Apabila mereka tiba (18)_____ kaki gunung itu, hari sudah malam. Mereka berasa sangat letih kerana berjalan sepanjang hari. Mereka pun mendirikan sebuah (19)_____ berhampiran dengan sebatang pokok yang rendang.</p> <p>Pada malam itu, mereka membuat unggun api. Selepas makan malam, mereka duduk di sekeliling unggun api itu dan berbual-bual tentang (20)_____ mereka pada hari itu sambil memakan ubi rebus yang telah mereka sediakan. Mereka pun tidur pada pukul sepuluh malam.</p>	<p><b>16</b> (1) menjalani (2) merentasi (3) melangkahi (4) menyeberangi</p> <p><b>17</b> (1) suci (2) beku (3) jernih (4) manis</p> <p><b>18</b> (1) di (2) ke (3) dan (4) akan</p> <p><b>19</b> (1) rumah (2) banglo (3) khemah (4) bangunan</p> <p><b>20</b> (1) pengajaran (2) penyaksian (3) pengalaman (4) pengetahuan</p>
---	--

## KEFAHAMAN 1 (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Ramai antara kita gemar berbasikal. Ada yang berbasikal untuk ke sekolah, ke tempat kerja dan ada juga yang berbasikal hanya untuk mengisi masa yang terluang.

Ramai yang boleh menunggang basikal dengan baik. Namun, perkara yang perlu diberikan perhatian ialah cara menunggang basikal dengan selamat. Perkara pertama yang perlu dilakukan sebelum menunggang adalah memastikan basikal dalam keadaan baik. Periksalah tayar basikal sama ada anginnya cukup atau tidak. Kemudian, periksa brek basikal untuk memastikan brek basikal itu berfungsi dengan baik.

Untuk mengelakkan kecederaan jika berlaku kemalangan, kita harus memakai pakaian yang sesuai untuk menunggang basikal. Pakailah pakaian berwarna cerah dengan jaket pantulan cahaya. Selain itu., kita harus memakai pelindung lutut dan siku serta memakai kasut yang sesuai. Paling penting, kita harus memakai topi keledar yang dikhaskan untuk menunggang basikal. Pemakaian topi keledar ini dapat melindungi kepala kita jika berlaku kemalangan. **Semua perkara ini** memerlukan persiapan yang rapi.

Ada beberapa perkara yang harus kita elakkan semasa menunggang basikal di jalan raya. Pertama, jangan sesekali menunggang basikal secara bersaing. Kedua, jangan **berlumba** di jalan raya dan yang ketiga, jangan bergurau senda ketika menunggang basikal. Kesemua perbuatan ini boleh mengakibatkan kita terlibat dalam kemalangan.

Akhir sekali, ingatlah tiga pesanan penting ini. Kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati di jalan raya. Kedua, semaikanlah sikap bertanggungjawab agar keselamatan diri dan orang lain terjamin. Ketiga, sentiasalah berdisiplin ketika berada di jalan raya. Berbasikal akan menjadi aktiviti yang menyeronokkan jika kita mengambil berat tentang panduan keselamatan ini.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21 Orang ramai yang gemar berbasikal dinasihatkan supaya \_\_\_\_\_.

- (1) berbasikal ke sekolah
- (2) mengisi masa yang terluang
- (3) menunggangnya pada masa lapang
- (4) memberi perhatian cara menunggangnya dengan selamat

22 Para penunggang yang bergurau senda sewaktu berbasikal boleh \_\_\_\_\_.

- (1) berbasikal dengan selamat
- (2) mengakibatkan kemalangan
- (3) menjamin keselamatan diri sendiri
- (4) menjadikan aktiviti ini menyeronokkan

23 Pesanan penting yang harus diamalkan oleh setiap penunggang basikal ialah  
\_\_\_\_\_.

- (1) berlumba semasa menunggang
- (2) menunggang basikal secara bersaing
- (3) semaikan sikap mementingkan diri sendiri
- (4) berhati-hati dan berdisiplin sewaktu di jalan raya

24 ‘**Semua perkara ini**’ dalam perenggan keempat merujuk kepada  
\_\_\_\_\_.

- (1) pemakaian topi keledar
- (2) pelindungan kepala dari kecederaan
- (3) penggunaan pelindung siku dan lutut
- (4) usaha untuk mengelakkan kecederaan

25 Perkataan ‘**berlumba**’ dalam perenggan keempat bermaksud  
\_\_\_\_\_.

- (1) berehat
- (2) bersaing
- (3) bersantai
- (4) bersemuka

**BLANK PAGE**

## FRASA (8 markah)

**Arahan:** Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) seseorang itu akan mati
- (2) akhlak yang baik harus diamalkan
- (3) ketekunan dan hormat-menghormati
- (4) orang tidak akan memandang mulia terhadap kita
- (5) memberi kita didikan dan asuhan yang secukupnya
- (6) seseorang itu tidak terarah dan mudah terpengaruh

Zaki : Cikgu, apakah yang dimaksudkan dengan prinsip?

Cikgu Ali : Zaki, prinsip ialah pegangan hidup seseorang. Tanpa prinsip, (26)\_\_\_\_\_.

Zaki : Boleh Cikgu berikan contoh?

Cikgu Ali : Sudah tentu boleh, Zaki. Antaranya ialah (27)\_\_\_\_\_.

Zaki : Ibu pun pernah berkata, "Sekiranya kita mempunyai ilmu setinggi gunung pun, kalau kita tidak menghormati orang tua, (28)\_\_\_\_\_."

Cikgu Ali : Jika kita mempunyai prinsip hidup yang baik, orang bukan sahaja menghormati kita malah menghormati ibu bapa kita juga. Mereka akan mengatakan ibu bapa kita telah berjaya (29)\_\_\_\_\_.

Zaki : Saya setuju, Cikgu. Terima kasih di atas penjelasan ini.

## Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

### DATANGLAH KE 'RESTORAN KOSMOPOLITAN'!



Cabutan bertuah sepanjang bulan Mei 2023

- Hidangan istimewa daripada **Chef Jef** setiap hari
- Nikmati hidangan Melayu, Cina dan Barat
- Menerima tempahan untuk majlis-majlis istimewa dan korporat
- Pencuci mulut percuma bagi hidangan petang.

Marilah menjamu selera bersama keluarga dan teman-teman tersayang.

Bagi setiap perbelanjaan sebanyak \$100, anda berpeluang mengambil bahagian dalam cabutan bertuah!

#### HADIAH PERTAMA

Pakej Pelancongan ke Pulau Saujana bernilai \$2000

#### HADIAH KEDUA

Pakej Pelancongan ke Pulau Permai bernilai \$1000

#### HADIAH KETIGA

Baucar Makanan bernilai \$200

*Rebutlah peluang keemasan ini !*

20, Jalan Kasturi Lama

Singapura 134115

Masa perniagaan : 10 pagi hingga 11 malam

Pesan terakhir : 10.30 malam

Telefon : 66561268



**BUATLAH TEMPAHAN AWAL AGAR TIDAK HAMPA!**

- \*\* Restoran kami berhawa dingin
- \*\* Tempat meletak kereta percuma
- \*\* Lungsuri internet dengan WiFi percuma

**Arahan:** Berdasarkan brosur di halaman 3, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

**30** Tujuan utama iklan ini adalah untuk \_\_\_\_\_.

- (1) mempromosikan pulau-pulau yang menarik
- (2) mengumumkan nama chef yang baru mula bertugas
- (3) mengiklankan cawangan Restoran Kosmopolitan yang baru dibuka
- (4) menarik lebih ramai pelanggan agar mengunjungi Restoran Kosmopolitan

**31** Perbelanjaan sebanyak \$100 akan membolehkan anda \_\_\_\_\_.

- (1) menyertai cabutan bertuah
- (2) mendapat baucer makanan
- (3) menikmati hawa dingin di dalam restoran
- (4) melancong ke Pulau Saujana dan Pulau Permai

**32** Para pelanggan yang berkenderaan dapat menikmati \_\_\_\_\_.

- (1) pencuci mulut percuma
- (2) baucer makanan benilai \$200
- (3) tempat meletak kereta percuma
- (4) hawa yang dingin di dalam Restoran Kosmopolitan

SOALAN	JAWAPAN
<b>30</b>	
<b>31</b>	
<b>32</b>	

Kamu mahu mengajak ibu kamu menjamu selera di Restoran Kosmopolitan sempena Hari Ibu. Untuk meyakinkan ibu kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya **dua** keistimewaan yang terdapat di restoran tersebut.

Gunakan informasi dalam brosur di halaman 3 untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)

Ibu, selain daripada kita dapat menikmati pilihan hidangan Melayu, Cina dan Barat, restoran ini juga \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---


---

---

---

---

---



## **BLANK PAGE**

## KEFAHAMAN 2 (22 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Ayah Sudin tersenyum sendiri apabila melemparkan pandangan ke ruang pasar raya mini yang dikunjungi ramai pelanggan itu. Kegembiraan jelas terpancar di wajahnya. Ayahnya sangat berpuas hati dengan kemajuan perniagaan yang telah diceburinya selama dua puluh tahun itu. Walaupun ayahnya telah bergelar usahawan yang berjaya, dia tidak pernah berpeluk tubuh. Sudin kagum dengan cara ayahnya menguruskan perniagaannya. Ayah Sudin sentiasa memastikan barang-barang di kedainya bermutu dan tersusun kemas. Di samping itu, ayah Sudin juga prihatin tentang kehendak pelanggan-pelanggannya.

“Ayah merancang untuk membuka sebuah lagi cawangan,” kata ayah Sudin kepadanya.

“Ayah yakin yang kamu layak menguruskan cawangan baharu itu. Lagipun, bila ayah tua nanti, senanglah kamu mengambil alih perniagaan ayah,” sambung ayah lagi.

Sudin hanya melemparkan senyuman kepada ayahnya. Pada mulanya, Sudin tidak begitu berminat dalam bidang perniagaan. Lama-kelamaan, minat itu timbul. Dia juga kagum dengan pendirian ayahnya yang begitu **teguh**. Sudin sedar ayahnya seorang yang sungguh bertanggungjawabnya. Ayah Sudin tidak pernah bosan memberikan semangat dan dorongan kepadanya. Sudin juga telah dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajarannya. Perkara itu telah menyebabkan Sudin tidak mahu mengecewakan ayahnya. Dia belajar dengan tekun sehingga mendapat kepujian tertinggi di dalam kelasnya. Di samping itu, dia juga ada membuat bisnes sampingan dengan menjual binaan rekaan Lego secara dalam talian pada waktu lapangnya. Keuntungan yang didapatnya digunakan untuk perbelanjaan hariannya.

Sudin tidak pernah menyesal sedikit pun kerana menuruti kemahuan ayahnya. Akhirnya Sudin telah memperolehi kemewahan berkat hasil menguruskan perniagaan itu. Kini, Sudin telah menjadi seorang usahawan yang berjaya. Cawangan-cawangan pasar rayanya boleh didapati di seluruh negeri.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- 34 Nyatakan perasaan Ayah Sudin ketika berada di pasar raya mininya?  
(2 markah)

---

---

---

---

---

---

- 35 Berikan **dua** bukti untuk menunjukkan ayah Sudin bijak menguruskan perniagaannya.  
(4 markah)

---

---

---

---

---

---

- 36 Apakah rancangan yang disuarakan oleh ayah Sudin kepadanya?  
(2 markah)

---

---

---

---

---

---

- 37 Sudin seorang anak yang mengenang jasa ayahnya. Berikan dua bukti yang menunjukkan sikap tersebut.  
(4 markah)

---

---

---

---

---

- 38 Ayah Sudin menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ayah dengan baik. Nyatakan dua perbuatan ayah Sudin yang menyokong pernyataan ini.  
(4 markah)

---

---

---

---

---

- 39 Berikan dua bukti yang menunjukkan bahawa Sudin sudah menjadi usahawan yang berjaya.  
(4 markah)

---

---

---

---

---

- 40** Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(2 markah)

- (a) berasa amat tertarik

---

- (b) meneruskan lagi

---

**Selesai**

